

Kerajaan sedia pinda akta, dasar bagi memartabatkannya

Perkasa bahasa Melayu

UM : 3/3/2006

Oleh HASHNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 2 Mac – Kerajaan tidak akan teragak-agak meminda sebarang akta atau dasar berkaitan bahasa Melayu dalam usaha memperkasa dan memartabatkan bahasa tersebut.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, langkah tegas itu juga akan turut melibatkan tindakan undang-undang jika berlaku pengabaian terhadap penggunaan bahasa berkenaan termasuk di papan tanda.

Menurutnya, ketegasan itu bagi memastikan bahasa Melayu bukan sahaja boleh dipertahan serta dihargai tetapi juga diguna dalam pelbagai aspek kehidupan seharian.

Beliau berkata, ia juga sejajar usaha Jawatankuasa Induk Memperkasa Bahasa Kebangsaan untuk mencari kaedah, pendekatan mekanisme penyelarasan dan program yang terbaik dalam usaha memperkasa bahasa itu.

“Kita akan melihat bagaimana keberkesanan Akta Bahasa Kebangsaan dan akta lain yang berkaitan.

“Jika perlu dipinda, kita tidak akan teragak-agak melakukannya jika ia boleh menjadikan kempen membaca dan budi bahasa menjadi lebih berkesan berbanding masa lalu.

“Ia termasuk beberapa dasar yang berkaitan seperti Dasar Buku Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan dan lain-lain yang menyentuh kempen itu,” katanya.

Hishammuddin berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Induk Memperkasa Bahasa Kebangsaan, di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Sehubungan itu, Hishammuddin memberitahu, satu gerakan bagi memperkasakan bahasa Melayu akan dilaksanakan dengan diberi suntikan, hala tuju dan nafas baru.

“Dalam gerakan ini amat penting bagi kita bertindak secara lebih realistik dan meletakkan keutamaan kita.

“Kita perlu menyedari hakikat bahawa bahasa Melayu atau bahasa Malaysia tidak mempunyai pembela lain selain bangsa Malaysia,” katanya.

Hishammuddin menegaskan, melalui gerakan ini, kerajaan berhasrat melahirkan generasi bangsa Malaysia yang berbangga dengan bahasa yang menjadi identiti mereka,

Perkasa bahasa Melayu

mempunyai kefasihan yang tinggi, sedia memberikan penghormatan dan kedudukan yang sewajarnya serta gembira mempromosi bahasa itu di mana sahaja mereka berada.

“Melalui gerakan ini kita mahu masyarakat sedar bahawa jika kita membiarkan bahasa ini pupus, maka kita akan kehilangan salah satu dari identiti unik bangsa,” katanya.

Beliau menjelaskan, dalam menggerakkan gelombang baru agenda memartabatkan bahasa kebangsaan, kementeriannya bersama-sama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan berusaha menggerakkan pendekatan baru melalui perayaan Bulan Bahasa dan Sastera Kebangsaan (BBSK).

“Kita berharap mulai tahun ini, BBSK dapat kita senaraikan sebagai salah satu projek utama kerajaan Malaysia dan disambut meriah seperti sambutan perayaan Bulan Patriotik dan Hari Kebangsaan,” katanya.

Hishammuddin menegaskan, usaha untuk menggerakkan gelombang baru

agenda memartabatkan bangsa kebangsaan ini akan menjadi projek semua pihak secara bersama dan bukan projek Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau Kementerian Pelajaran semata-mata.

Beliau berkata, walaupun pada masa ini terdapat pelbagai program bahasa dan sastera tetapi ia dilaksanakan hanya sebagai satu rutin yang mana falsafah, semangat dan tujuannya tidak benar-benar dapat dihayati oleh masyarakat sehingga kurang membakar perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam terhadap bahasa Melayu.

Pada sidang akhbar yang sama, Rais berkata, beliau akan menyelitikan semua program bahasa kebangsaan dalam kempen budi bahasa dan membaca buku anjuran kementerian tersebut.

Beliau berkata, selain itu, pihaknya akan menyarankan supaya pemimpin kerajaan, politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memberi galakan dan sokongan padu berhubung penggunaan bahasa kebangsaan.